## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 4 JULAI 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | RM2.9 JUTA BANTU PETANI TERKESAN BANJIR DI KELANTAN, UM -ONLINE<br>MAFI KOMITED PERKUKUHKAN SEKTOR AGROMAKANAN, TERENGGANU, HARAKAH -H22<br>OPTIMUMKAN 8,310.82 HEKTAR TANAH TERBIAR - DR SAMSURI, TERENGGANU, HARAKAH -H22 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 4. | MD2 DAPAT PERMINTAAN TINGGI DI EROPAH, LOKAL, HM -16 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 5.<br>6.<br><br>7.<br>8.<br>9.<br><br>10.<br>11.<br><br>12.<br><br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19.<br>20. | SUFFICIENT AMOUNT OF VEGETABLES IN MARKET, MALAYSIAN NANBAN -ONLINE<br>NELAYAN, PEMANCING JADI 'MATA TELINGA' PANTAU PENCEMARAN LAUT, NASIONAL, SH -12<br>SAYUR KAMPUNG PULA NAIK HARGA, NEGERI PAHANG, SH -30<br>TIADA TANDA HARGA BARANG TURUN, DALAM NEGERI, UM -8<br>LEMBU MUNCUL KING OF SADO BAKAL DIKORBANKAN DI SELANGOR, LOKAL, HM -13<br>'BERBALOI TEMPUH PERJALANAN 9 JAM', NASIONAL, BH -16<br>UNTUNG RENDAH, PENIAGA AKUR JUAL AYAM IKUT HARGA SILING, DALAM NEGERI, UM -30<br>PENTERNAK NAFI SIMPAN AYAM SEHINGGA HARGA SILING BAHARU, NASIONAL, BH -3<br>SEBAB SAIZ AYAM BESAR, LOKAL, HM -6<br>TETAP JUAL AYAM PADA HARGA RM8.90, NEGARA, KOSMO -16<br>PENIAGA PATUH HARGA SILING TELUR, NEGARA, KOSMO -16<br>RADIANCE AGROTECH SASAR TERNAK 50,000 EKOR LEMBU, EKONOMI, UM -37<br>S'WAK TO BUILD AGRO PARKS, NATION, THE STAR -9<br>'STRINGENT PRICE CHECKS NEEDED, NEW,, NST -2<br>SNACK TRADERS RAISE PRICES, NEWS, NST -3<br>SELLERS SAY NEW CHICKEN CEILING PRICE ENSURES REASONABLE PROFIT, NEWS, NST -3 | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# RM2.9 juta bantu petani terkesan banjir di Kelantan



AHMAD Hamzah (enam dari kiri) memegang bendera sebagai gimik pelepasan selepas Majlis Penyampaian Bantuan Banjir dan Ribut Tanaman Padi kepada petani di KADA Tendong, Pasir Mas, Kelantan hari ini. FOTO:ROSALWANI CHE SOH

PASIR MAS : Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan RM 2.9 juta bagi membantu petani di lima buah jajahan di negeri yang terkesan dengan banjir.

Timbalan MAFI I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bantuan itu disalurkan menerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) membabitkan Pasir Mas, Pasir Puteh, Tumpat, Kota Bharu dan Bachok membabitkan 1,365 petani.

Menurut beliau, jajahan Tumpat adalah kawasan paling teruk terjejas dengan 569 petani, diikuti Pasir Mas dan kawasan-kawasan lain.

"Bantuan ini bukanlah pampasan atau ganti rugi tetapi ia adalah ihsan daripada kerajaan yang sentiasa peka dan mengambil berat terhadap nasib pesawah.

"Kerajaan berharap pemberian bantuan ini akan mengurangkan kerugian dan digunakan dengan sebaik mungkin," katanya selepas Majlis Penyampaian bantuan Bencana Ribut dan Banjir Tanaman Padi KADA di Tendong hari ini. – UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | HARAKAH | TERENGGANU | H22 |

Hari Peladang, Penternak dan Nelayan 2022

# Optimumkan 8,310.82 hektar tanah terbiar *-Dr Samsuri*

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

**SETIU:** Mengikut rekod ketika ini, Terengganu masih belum mencukupi dari segi penghasilan makanan terutama padi bagi keperluan negeri ini.

Menteri Besarnya, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, kerajaan negeri mensasarkan peningkatan tahap sara diri atau self-sufficient level (SSL) untuk tahun 2023 daripada 47 peratus kepada 60 peratus bagi tanaman padi.

Manakala, katanya SSL bagi tanaman kelapa pula disasarkan daripada 65 peratus kepada 70 peratus.

"Untuk buah-buahan daripada 82.46 peratus naik kepada 90 peratus, dan untuk sayur-sayuran daripada 40 peratus kepada 50 peratus.



**Menyerahkan sumbangan kepada persatuan nelayan.**

"Dalam masa yang sama, negeri kita Terengganu ini, 36.6 peratus tanah adalah untuk pertanian. Daripada keseluruhan keluasan tanah ini terdapat 8,310.82 hektar tanah terbiar yang belum diusahakan," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Tahun 2022 Peringkat Negeri Terengganu di Dataran Pekan Jabi, Besut, Terengganu baru-baru ini.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Pegawai Kewangan Terengganu, Razali Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Dato' Che Abdullah Mat Nawi dan Pegawai Daerah Besut, Azran Amin Mazlan.

Menurut Dr Samsuri, hasrat kerajaan negeri agar penggunaan tanah dapat dioptimumkan melalui penglibatan syarikat swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), petani, usahawan, belia dan golongan B40 dalam sektor pertanian dapat dimaksimakan.

Justeru, kata Menteri Besar Terengganu itu, Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu (2019-2023) yang telah dibuat kajian semula merupakan satu pelan bervisikan negeri Terengganu sebagai Pengeluar Makanan Utama Negara.

"Dengan terlebih dahulu menjadi self-sufficient level (SSL) atau mencukupi untuk kegunaan kita sendiri di negeri Terengganu.

"Pelan strategik ini terkandung satu maksud yang sangat penting iaitu semuanya yang kita usahakan ini 'dari kita dan untuk kita'.

"Ini menggambarkan usaha para peladang, penternak dan nelayan tidak lain dan tidak bukan adalah untuk kita semua dari kecil sampai ke orang dewasa dan orang tua," jelasnya.

Kata Dr Samsuri lagi, Pelan Strategik Pertanian Negeri Terengganu (2019-2023) ini juga selari dengan hasrat serta perancangan kerajaan Persekutuan melalui pelancaran Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Menurutnya, Perdana Menteri, Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob pada majlis pelancaran dasar itu telah menggariskan sekuriti makanan negara dengan persediaan menangani krisis global yang tidak dijangka pada masa hadapan.

Pada majlis itu, seramai 17 pemenang menerima anugerah masing-masing daripada pertubuhan, persatuan, kumpulan dan individu mengikut kategorinya yang disampaikan oleh Menteri Besar Terengganu.



**Antara persatuan nelayan yang menerima sumbangan.**

# MAFI komited perkukuhkan sektor agromakanan

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD dan Foto SAIFUL MUSTAFA**

**SETIU:** Kerajaan Persekutuan dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) amat komited dalam memperkukuhkan sektor pengeluaran agromakanan negara.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, pelbagai usaha dan alternatif yang diambil termasuklah meningkatkan pengeluaran hasil domestik, memperluaskan penggunaan teknologi moden, mengurangkan kebergantungan kepada produk import, meningkatkan kualiti hasil di samping memberi penekanan terhadap jaminan sekuriti makanan.

Katanya, sekuriti makanan menjadi aspek penting kepada kerajaan dan MAFI bagi memastikan kelangsungan bekalan makanan yang mencukupi buat seluruh rakyat di negara ini.

Bahkan, katanya menjurus kepada pengeluaran agromakanan yang selamat, bernutrisi dan paling utama



**Dr Samsuri, Ronald Kiandee dan Dr Azman memegang kambing.**

kadar harga agromakanan yang dipasarkan itu perlulah berpatutan dan mampu dibeli oleh rakyat.

"Pada Rancangan Malaysia (RMKe-12), MAFI telah menetapkan dan memfokuskan kepada agenda pemodenan dalam sektor agromakanan negara.

"Fokus utamanya menjurus kepada usaha untuk meningkatkan produktiviti dan menjamin sekuriti makanan negara demi kepentingan rakyat dan pengguna.

"MAFI telah pun berjaya melaksanakan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). DAN 2.0 ini merupakan satu dasar yang menyeluruh bagi memastikan sekuriti makanan negara terus mampan dan berdaya saing dengan berlandaskan kepada dasar-dasar utama kerajaan meliputi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Agenda Pembangunan Mampan 2030 dan Rancangan Malaysia Lima Tahun," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Tahun 2022 Peringkat Negeri Terengganu oleh Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar di Dataran Pekan Jabi, Besut, Terengganu baru-baru ini.

Menurutnya, Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 juga merupakan antara strategi yang akan mendokong kepada pelaksanaan dan keberjayaan DAN 2.0 ini.

Selain itu, kata Dr Ronald MAFI turut giat menggalakkan penglibatan peladang muda dan golongan belia untuk merancakkan lagi sektor pengeluaran agromakanan negara untuk perancangan jangka panjang.

"Pengeluaran agromakanan yang berterusan akan dapat menjamin kecukupan agromakanan buat rakyat di negara ini dan pada sudut lain kita akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada produk import yang pada ketika ini memenuhi pasaran tempatan," jelasnya.

Beliau yang juga Parlimen Beluran menegaskan, penggunaan teknologi revolusi industri 4.0 (IR 4.0) dilihat sebagai suatu tarikan baharu yang dapat menarik minat golongan belia terlibat dalam sektor agromakanan.

Katanya, penggunaan teknologi revolusi industri 4.0 melibatkan pelbagai aktiviti pertanian pintar seperti 'drone' dan sistem pengurusan tanaman secara automasi terbukti telah dapat mengurangkan kos operasi sesuatu projek pertanian.

"Dengan penggunaan teknologi, kos buruh dapat dikurangkan lebih-lebih lagi dengan kesukaran mendapat khidmat pekerja asing bagi membantu menguruskan projek tanaman ketika ini.

"Bahkan penggunaan teknologi ini juga dapat menjimatkan masa dan yang paling utama ianya dapat memberikan lebih pendapatan kepada pengusahanya.

"Revolusi Industri Pertanian 4.0 yang pada dasarnya lanjutan daripada Industri Pertanian 3.0 iaitu revolusi digital. Satu teras utama dalam Revolusi Industri Pertanian 4.0 adalah kecerdasan buatan (Artificial Intelligence) atau AI," ujarnya.

Menerusi AI, kata beliau sistem fizikal siber dengan sistem boleh menghubungkan dunia digital, sistem fizikal dan manusia melalui internet.

Menurutnya, data daripada manusia digunakan untuk peralatan pertanian berfungsi dengan lebih baik seperti apa yang berlaku dalam perladangan pintar segala kerja pemantauan penyakit, perosak, pembajaan dan meracun hanya boleh dipantau dari rumah menggunakan telefon pintar.

Hadir sama, Pegawai Kewangan Terengganu, Razali Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Dato' Che Abdullah Mat Nawi dan Pegawai Daerah Besut, Azran Amin Mazlan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |

# MD2 dapat permintaan tinggi di Eropah

**Segamat:** Johor menyasarkan untuk kekal sebagai pengeluar utama hasil pertanian di negara ini dalam masa lima tahun akan datang selepas mencatatkan jumlah pengeluaran sebanyak 736,178 tan metrik pada tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip ***(gambar)*** berkata, sasaran peningkatan hasil pertanian itu membabitkan buah-buahan sebanyak 34 peratus dan 32 peratus bagi sayur-sayuran berikutan pembukaan kawasan baharu pertanian di negeri ini seluas 1,214 hektar.



Katanya, pada 2021 jumlah pengeluaran buah-buahan di negeri itu adalah 569,004 tan metrik manakala sayur-sayuran 167,174 tan metrik.

"Antara hasil pertanian utama dikeluarkan oleh Johor adalah nanas, durian, pisang, betik dan tembikai, selain cili, bendi dan halia bagi sayur-sayuran, yang bukan sahaja untuk pasaran tempatan malah akan dieksport," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival Agro Johor di Dataran Bandar Segamat di sini yang turut dihadiri Timbalan Pengarah Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Johor, Azizi Azimi Mat Nayan.

Mengulas mengenai eksport hasil pertanian Johor, Zahari berkata, nanas terutama jenis MD2 kini mendapat permintaan tinggi di Eropah.

"Eksport buah berkenaan semakin meningkat dan setiap minggu kita menerima tempahan sekitar 1,000 kontena yang akan diletakkan di hab pengedaran di Jerman untuk pasaran Eropah selain turut mendapat permintaan tinggi di Timur Tengah seperti Turki dan beberapa negara Arab lain," katanya.

isentia

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 14 PRINTED SIZE: 336.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,955.00 ITEM ID: MY0048787036



04 JUL, 2022

## Sufficient amount of vegetables in market

Malaysian Nanban, Malaysia



# சந்தையில் போதுமான காய்கறிகள் உள்ளன

## விலையேற்றம் காண்பதற்கான அவசியம் என்ன?

(எஸ்.எஸ்.பரதன்)

பீடோர், ஜூலை 4-

விவசாயம் நிறைந்த சொந்த நாட்டில் போதுமான காய்கறிகள் இருந்த போதிலும், சந்தையில் காய்கறிகள் விலையேற்றம் கண்டுள்ளதால் பி40, எம்40 பிரிவைச் சேர்ந்த மக்கள் பெரிதும் பாதிக்கப்பட்டுள்ளனர்.

அண்மையில் இங்குள்ள சந்தைக்கு வருகையளித்து பொருள்களின் விலைகளை நேரில் கண்டறிந்த சுங்கை சட்டமன்ற உறுப்பினர் அ.சிவநேசன், காய்கறி, மீன், கோழி இறைச்சி போன்ற உணவுப் பொருள்களின் விலை ஐந்து காசிலிருந்து இரண்டு வெள்ளி வரை உயர்ந்துள்ளதாகக் கூறினார்.

உலகளாவிய நிலையில் பொருள் களின் விலை ஏற்றம் கண்டிருந் தாலும், சொந்த நாட்டிலேயே போதுமான காய்கறிகள் பயிர் செய்யப்படுவதால், காய்கறிகளின் விலையேற்றம் ஏற்புடையதாக இல்லை என அவர் கூறுகிறார்.

நம் நாட்டிலிருந்து காய்கறிகளை இறக்குமதி செய்யும் சிங்கப்பூரில் காய்கறிகள் விலையேற்றம் கண்டால் அதில் அர்த்தமுள்ளது என்றார்.

காய்கறி வியாபாரிகள் காய்கறிகளை நேரடியாக உற்பத்தியாளர்களிடமிருந்து வாங்குவதில்லை. உற்பத்தியாளர்களிடமிருந்து காய்கறிகளை வாங்கி விலைகளை உயர்த்தி வியாபாரிகளிடம் விற்கும் இடைத்தரகர்களே அதிக இலாபம் அடைகிறார்கள் என அவர் தெரிவித்தார்.



*பீடோர் சந்தையில் சிவநேசன்*

முட்டைகோஸ் கட்டுப்படுத்தப் பட்ட பொருள்களின் பட்டியலில் இருப்பதால் அதன் விலையில் மாற்றம் இல்லை. கட்டுப்படுத்தப் படாத தக்காளியின் விலை ஒவ்வொரு நாளும் வெவ்வேறு விலையேற்றத்துடன் விற்கப்பட்டு வருவதாகக் கூறினார்.

பொருள்களின் விலையைக் கட்டுப்படுத்துவதற்கும் கண்காணிப்பதற்கும் உள்நாட்டு வாணிப மற்றும் பயனீட்டாளர் விவகார அமைச்சு அதிரடியாக நடவடிக்கையில் இறங்க வேண்டும் என வலியுறுத் தினார். தாம் பேரா மாநில ஆட்சிக்குழு உறுப்பினராக இருந்த காலத்தில் அதிகாரிகளுடன் இத்தகைய சோதனைகளை மேற்கொண்டதை சிவநேசன் சுட்டிக்காட்டினார்.

காய்கறிகள், மீன், இறைச்சி போன்ற பொருள்களின் விலையேற்றத்தைக் கட்டுப்படுத்த வேண்டுமானால், ஃபாமா எனும் அரசாங்க விவசாய நிறுவனம் இப்பொருள்களை நேரடியாக வாங்கி, பாமர மக்கள் வாங்கக்கூடிய விலைக்கு விற்க வேண்டும் என வலியுறுத்தினார்.

பொருள்களை 10 விழுக்காடு குறைந்த விலைக்கு வேன்களின் மூலம் காலை மணி 8.00 முதல் மாலை மணி 5.00 வரை வீடு வீடாகச் சென்று விற்பதற்கு அரசாங்கம் கொண்டிருக்கும் எண்ணமும் ஏற்புடையதல்ல என்றார்.

புறநகர்ப் பகுதிகளில் மூலை முடுக்குகளிலுள்ள வீடுகளுக்கு சென்றடைவது என்பது சாத்தியப்படாத செயலாகும். பொருளாதாரச் சிக்கலில் சிக்கித் தவித்துக் கொண்டிருக்கும் வசதி குறைந்த மக்களின் நல்வாழ்வுக்கு கண்காணிப்பு நடவடிக்கைகள் மிக மிக அவசியமானது என்றார் அவர்.

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 14 PRINTED SIZE: 336.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,955.00 ITEM ID: MY0048787036



04 JUL, 2022

# Sufficient amount of vegetables in market

Malaysian Nanban, Malaysia



## SUMMARIES

சந்தயைில் பே·ாதுமான காய்கறிகள் உள்ளன  விலயைற்ேறம் காண்பதற்கான அவசியம் எண்ண? (எஸ் .எஸ் .பரதன் )' பீடே·ார் ஜூலை 4- விவசாயம் நிறைந்த சொ·ந்த நாட்டில் பே·ாதுமானகாய்கறிகள் இருந்த பே·ாதிலும் , சந்தயைில் காய்கறிகள் விலயைற்ேறம் கண்டுள்ளதால் பி4□, எம் 4□ பிரிவசைச் சரே்ந்த மக்கள் பெரிதும் பாதிக்கப்பட்டுள்ளனர் . அண்மயைில் இங்குள்ள சந்தகைக்கு வருகயைளித்து பொ·ருள்களின் விலகைளை நரேில் கண்டறிந்த சுங்கை சட்டமன்ற உறுப்பினர் அ.சிவநசேன் ,காய்கறி, மீன் , கே·ாழி இறைச்சி பே·ான்ற உணவுப் பொ·ருள்களின் விலை ஐந்து காசிலிருந்து இரண்டு வள்ெளி வரை: உயர்ந்துள்ளதாகக் கூறினார் .

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# Nelayan, pemancing jadi 'mata telinga' pantau pencemaran laut

**MARANG** - Nelayan dan pemancing diminta menjadi 'mata dan telinga' kepada pihak berkuasa dengan melaporkan segera sebarang kegiatan pencemaran di laut berserta bukti seperti rakaman video atau gambar bagi membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap pihak terlibat.

Menteri Alam Sekitar dan Air (KASA), Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, walaupun kes pencemaran di laut masih terkawal, perkara itu tidak boleh dipandang ringan dan perlu terus diawasi.

"Pencemaran di laut tidak teruk sangat setakat ini cuma saya ada terima aduan walaupun tidak rasmi, terdapat kapal yang tidak bertanggungjawab (buang minyak hitam di laut), tetapi tiada bukti kerana kejadian dilakukan biasanya tengah malam.

"Nelayan yang memancing tengah malam jika tiba-tiba terdapat minyak hitam sekitar bot yang tidak tahu punca dari mana; kalau boleh ambil video dan gambar kapal terlibat untuk diambil tindakan segera," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Projek Pemuliharaan Muara Sungai Merchang dan Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Marang di sini pada Ahad.

Katanya, walaupun jumlah minyak hitam yang dilepaskan ke laut sedikit dan tidak ketara, perkara itu perlu dikawal kerana lama-kelamaan akan menjejaskan kehidupan ikan dan marin yang lain.

Sementara itu, Tuan Ibrahim berkata, Projek Pemuliharaan Muara Sungai Merchang yang bernilai RM30.5 juta telah dimulakan 15 Disember lepas dan dijangka siap 14 Disember 2023 dalam usaha menyelesaikan masalah penduduk di daerah Marang.

"Projek itu melibatkan kerja mengorek alur navigasi dari muara Sungai Merchang hingga ke Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, pembinaan struktur pemecah ombak, struktur dinding penahan, lapis lindung dan penyuburan pantai.

"Apabila projek ini siap, ia akan memberi manfaat kepada nelayan dan usahawan bot pelancong untuk keluar masuk ke laut dengan selamat, selain melindungi lebih 100 bot berdaftar daripada rosak akibat muara cetek dan pukulan ombak," jelasnya. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



**Tuan Ibrahim (dua dari kanan) menunjukkan projek pengawalan hakisan pantai dalam Majlis Pelancaran Projek Pemuliharaan Muara Sungai Merchang dan Projek Pengawalan Hakisan Pantai Marang pada Ahad.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI PAHANG | 30 |

# Sayur kampung pula naik harga

## Kerdas, jering dijual RM5, terung pipit, buah asam dijual RM3 satu piring dan maman RM6 satu ikat

**Oleh ROSILAWATI ROSEDI**
**TEMERLOH**



MAZIDAH



KAMARIAH

*"Selain harga makin mahal, jumlah sayur yang ditawarkan juga semakin sedikit."*

Di saat rakyat terbeban dengan kenaikan harga minyak masak botol, tinjauan di sini mendapati sayur kampung pula naik harga.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pekan Sehari Temerloh di sini pada Ahad mendapati harga sayuran seperti kerdas, jering dijual RM5 manakala terung pipit, buah asam dijual RM3 satu piring dan maman RM6 satu ikat.

Seorang pesara, Mazidah Said, 58, berkata, dia amat terkejut dengan kenaikan harga sayur kampung itu.

Menurutnya, kenaikan itu berlaku minggu ini berbanding sebelumnya.

"Sejak 1 Julai, banyak barangan naik harga dan apabila datang ke sini memang terkejut juga lihat harga sayur kampung kali ini.

"Minggu ini betul-betul mendadak kenaikannya dan saya datang sebenarnya nak menyokong peniaga kecil dan harapnya harga tidak terus naik lagi," katanya lagi.

Pendapat itu disokong Kamariah Hassan, 59, yang turut mengharapkan kenaikan harga tidak terlalu melampau hingga membebankan pengguna.

"Selain harga makin mahal, jumlah sayur yang ditawarkan juga semakin sedikit," katanya lagi.

Sementara itu, seorang peniaga sayur kampung, Che Zainab Mat, 76, mendakwa kenaikan itu berlaku kerana kesukaran dapatkan bekalan.

Tambahnya, kenaikan itu juga berpunca daripada pekebun yang menjual dengan harga lebih tinggi.

"Saya dapat bekalan daripada orang kampung dan memang ada pelanggan merungut kerana harga mahal," ujarnya yang sudah 50 tahun berniaga di Pekan Sehari Temerloh.



**Antara sayur kampung yang turut mengalami kenaikan harga.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 8 |

# Tiada tanda harga barang turun

Oleh **AHMAD FADHLULLAH ADNAN**
fadhlullah.adnan@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Harga barangan keperluan ketika ini tidak menunjukkan tanda untuk turun meskipun kerajaan sudah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menanganinya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), Datuk Dr. Jacob George berkata, kenaikan harga barang dan makanan mungkin menjadi suatu norma baharu yang perlu diterima.

Menurut beliau, ini kerana kenaikan kos operasi sesuatu barangan itu menyebabkan kenaikan harga kepada pengguna.

Sehubungan itu, katanya, kenaikan ketika ini perlu diterima semua pihak terutama kerajaan tanpa menyalahkan mana-mana pihak yang terlibat dalam rantaian makanan termasuk kartel atau orang tengah.

"Keadaan yang berlaku di negara ini sudah tak nampak cahaya untuk penurunan harga sebab kita tak mahu akui harga yang betul dan munasabah untuk semua golongan.

"Sebenarnya apa yang diperlukan adalah satu harga yang munasabah kepada pengguna dan pengeluar. Contohnya, bolehkah harga nasi lemak dijual macam harga enam tahun lalu? Jadi kita kena buat keadilan kepada semua pihak.

"Kita sepatutnya kena bincang dengan pengeluar, bagaimana dari segi kos operasi mereka supaya dapat elakkan pengguna dan pengeluar jadi mangsa akibat penyelesaian yang diambil," katanya ketika dihubungi semalam.

Mengulas lanjut, Dr. Jacob berkata, satu langkah drastik yang lebih positif perlu diambil dengan mengambil kira kenaikan kos operasi yang sedang berlaku itu.

"Bagi saya pasukan jihad itu sudah bagus, tetapi keanggotaannya perlu terdiri daripada mereka yang berpengalaman, berpengetahuan dan dapat meyakinkan masyarakat untuk mencari jalan penyelesaian.

"Kos operasi sudah naik, tetapi jika ia dianggotai orang politik, adakah mereka mempunyai *political will* untuk ambil tindakan (harga yang munasabah)? Contohnya, harga kawalan itu juga memberi satu gambaran yang negatif untuk semua golongan terutama kepada petani, penternak, nelayan dan golongan yang terlibat dalam membekal.

"Kita faham realiti baru, tetapi kita boleh menolong golongan sasaran dengan syarat bantuan itu betul-betul langsung kepada golongan sasaran dari data sedia ada, jangan ada yang tertinggal atau utamakan kroni," jelasnya.

Dalam pada itu, Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan bantuan kerajaan sedikit sebanyak membantu terutamanya kepada golongan B40.

Katanya, ini kerana perkara yang berlaku ketika ini merupakan fenomena yang berlaku di seluruh dunia.

Namun, katanya, penguatkuasaan dan pemantauan perlu sentiasa dipergiatkan agar barangan kawalan itu tidak disalah guna serta tidak sampai kepada golongan sasaran.

"Aspek penguatkuasaan dengan pemantauan perlu lebih kerap untuk memastikan peruntukan subsidi kerajaan betul-betul sampai kepada tangan pengguna terutamanya golongan B40.

"Kita tak mahu ada keluarga berpendapatan sederhana beli (barang bersubsidi) kerana ini akan mengurangkan golongan B40 untuk menikmati subsidi itu," ujarnya.



**HARGA barang tidak turun walaupun pelbagai inisiatif disalurkan kerajaan dan perkara itu perlu diterima masyarakat kerana masalah itu berlaku di seluruh dunia.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 13 |

# Lembu muncul King Of Sado bakal dikorbankan di Selangor

**Setiu:** "Berbaloi menempuh perjalanan selama sembilan jam membawa lembu itu apabila ia dinobatkan sebagai King Of Sado 2022," kata Muhamad Bakri Bukhari.

Bakri, 37, dari Bera, Pahang antara 115 penternak lembu baka yang menyertai Himpunan Lembu Sado Pantai Timur 2022 di Pekan Jabi di sini, kelmarin.

Lembu charolais milik Bakri seberat 874 kilogram dan berusia empat tahun dua bulan mencuri tumpuan ramai sehingga memenangi kategori Lembu Sado Charolais Terbaik dan King Of Sado 2022.

Katanya, dia tidak menjangka lembu kesayangan yang dibeli pada 2019 itu berjaya menarik perhatian juri sekali gus dinobatkan sebagai King Of Sado 2022.

"Lembu itu saya beli dengan harga RM13,800 di Johor pada 2019 dan membelanya selama tiga tahun untuk dipertandingkan.

"Banyak ranjau yang terpaksa dilalui sepanjang perjalanan membawanya ke Himpunan Lembu Sado itu. Sembilan jam perjalanan terpaksa ditempuh untuk sampai ke acara itu dan ia sangat mencabar," katanya.

Katanya, susulan kemenangan berkenaan, lembu dengan berat lebih 900 kilogram itu turut terjual pada harga RM25,000 untuk dikorbankan di Selangor pada tahun ini.

"Saya berasa puas apabila lembu itu dinobatkan King Of Sado 2022 dan lebih manis ia terjual dengan harga yang sepatutnya.

"Sebenarnya saya sayang lembu itu, tetapi apabila dimaklumkan untuk ibadah korban maka saya merelakan untuk dijual," katanya.

Katanya, dia akan terus menternak lembu baka kerana penternakan lembu baka sangat menguntungkan selain permintaannya semakin meningkat dari semasa ke semasa.

> Lembu dibeli dengan harga RM13,800 di Johor pada 2019



MUHAMAD Bakri bersama lembu baka charolais miliknya yang dinobatkan sebagai King Of Sado di Himpunan Lembu Sado Pantai Timur 2022.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 16 |

# 'Berbaloi tempuh perjalanan 9 jam'

## Lembu 874kg dinobat King Of Sado 2022, terjual pada harga RM25,000 untuk ibadah korban

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

**Setiu:** "Berbaloi menempuh perjalanan sembilan jam dengan membawa lembu apabila ia dinobatkan sebagai King Of Sado 2022," kata Muhamad Bakri Bukhari.

Bakri, 37, dari Bera, Pahang antara 115 penternak lembu baka yang menyertai Himpunan Lembu Sado Pantai Timur 2022 di Pekan Jabi, kelmarin.

Lembu charolais seberat 874 kilogram dan berumur empat tahun dua bulan mencuri tumpuan ramai sehingga memenangi kategori Lembu Sado Charolais Terbaik dan King Of Sado 2022.

Katanya, dia tidak menjangkakan lembu kesayangan dibeli pada 2019 itu berjaya menarik perhatian juri, sekali gus dinobatkan King Of Sado 2022.

"Lembu itu saya beli dengan harga RM13,800 di Johor pada 2019 dan membelanya selama tiga tahun untuk dipertandingkan.

"Banyak ranjau terpaksa dilalui sepanjang perjalanan membawanya ke Himpunan Lembu Sado.

"Sembilan jam perjalanan yang terpaksa ditempuh untuk sampai ke acara itu dan ia sangat mencabar," katanya.

Tambahnya, susulan kemenangan lembu itu, lembu itu terjual pada harga RM25,000.

"Lembu yang pernah mencapai berat lebih 900kg itu akan dikorbankan di Selangor tahun ini.

"Berasa puas apabila lembu itu dinobatkan sebagai King Of Sado 2022 dan lebih manis ia terjual dengan harga sepatutnya.

"Sebenarnya saya sayang lembu itu, tetapi apabila dimaklumkan untuk ibadah korban saya merelakan dijual," katanya.

Katanya, dia akan terus menternak lembu baka kerana penternakan lembu baka sangat menguntungkan, selain permintaannya semakin meningkat.




*Muhamad Bakri (kanan) bersama lembu baka charolais miliknya yang dinobatkan sebagai King of Sado pada Himpunan Lembu Sado Pantai Timur 2022 di Pekan Jabi, Setiu, kelmarin.* (Foto ihsan pembaca)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 4/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

# Untung rendah, peniaga akur jual ayam ikut harga siling

Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN, ROHANA MOHD. NAWI dan AIMUNI TUAN LAH
utusannews@medlamulia.com.my

**DUNGUN :** Peniaga di daerah ini akur menjual ayam mengikut harga siling pada RM9.40 sekilogram walaupun mendapat keuntungan rendah sejak Jumaat lalu.

Tinjauan di beberapa kedai runcit dan pasar di daerah ini mendapati, tiada peniaga yang ingkar dengan arahan kerajaan tersebut dan mengenakan bayaran bagi upah potong ayam.

Peniaga ayam di Pasar Besar Dungun, Shahul Hamid Maidin, 65, berkata, dia hanya memperoleh keuntungan sebanyak 50 sen satu kilogram selepas mendapat bekalan ayam dengan harga RM8.90 bagi satu kilogram.

"Kalau ikutkan, memang tak untung sangat sebab dengan keuntungan 0.50 sen itu tak termasuk modal plastik dan ais.

"Pakcik ikut sahaja apa yang kerajaan tetapkan kerana tidak mahu dikenakan tindakan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang lagi peniaga ayam, Mohd. Shahrul Nizam Mohd. Zamizi, 27, berkata, dia yang mendapat bekalan ayam secara terus dari ladang, memperoleh keuntungan lebih besar berbanding peniaga yang mendapat bekalan ayam yang siap diproses.




MOHD. Shahrul Nizam Mohd. Zamizi menunjukkan harga ayam yang dijual di Pasar Besar Dungun, Terengganu. - UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

"Untuk satu kilogram ayam hidup, saya dapat dengan harga RM6.20. Kalau ikutkan, memang untung lebih, tetapi saya perlu bekerja lebih untuk memproses ayam," katanya.

Seorang pembeli, Noriah Ahmad, 50, berkata, penetapan harga siling ayam membantu meringankan beban keluarga besar sepertinya yang mempunyai tujuh anak.

Sementara itu, tinjauan di Kota Bharu, Kelantan mendapati, peniaga tidak mengenakan caj untuk memotong ayam segar yang dijual kepada pelanggan selain mematuhi harga siling baharu RM9.40 sekilogram.

Seorang peniaga, Mohd.Din Abd.Ghani, 33, dari Bachok berkata, dia tidak tergamak mengenakan caj terhadap pemotongan ayam kerana harga bahan mentah itu disifatkan masih tinggi.

Menurutnya, jika caj itu dikenakan berkemungkinan besar pengguna berdepan pertambahan kos sekali gus membebankan mereka.

"Mengambil kira harga ayam masih lagi tinggi di pasaran ketika ini, saya tekad 'memejamkan' mata dengan tidak mengenakan caj kepada pelanggan. Alhamdulillah, dengan kos pengangkutan ayam ke Kelantan, saya boleh jual dengan harga yang murah lagi dari harga siling kerajaan.

"Walaupun murah, perniagaan saya merosot sejak awal tahun kerana orang ramai kurang membeli ayam berikutan harganya mahal," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |

# Penternak nafi simpan ayam sehingga harga siling baharu

## Saiz ternakan lebih besar akibat lepasi tempoh matang, kurang permintaan

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Penternak menolak dakwaan mereka menyimpan stok ayam sehingga harga siling baharu dikuatkuasakan Jumaat lalu, demi meraih keuntungan lebih tinggi.

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng, menjelaskan saiz ayam segar yang besar sehingga lebih dua kilogram (kg) dalam pasaran ketika ini, adalah berikutan ternakan di ladang melepasi tempoh matang kerana permintaan semakin berkurangan.

Katanya, dakwaan bahawa penternak menyimpan stok ayam adalah tidak benar, berikutan mereka akan merekodkan kerugian lebih tinggi jika menyimpan ayam sehingga melepasi tempoh matang terlalu lama berikutan kos operasi akan bertambah sekali ganda.

"Sebenarnya ayam segar ketika ini besar-besar sehingga ada yang mencapai berat lebih dua kilogram seekor kerana telah melepasi tempoh matang 30 hari, apatah lagi permintaan makin jatuh.

"Kebiasaannya ayam matang dalam tempoh 28 hari dengan berat 1.8kg, namun oleh kerana permintaan berkurangan ayam di ladang melepasi usia 30 hari dengan berat melebihi dua kilogram setiap ekor.

"Sebelum ini bekalan ayam kurang dan mendapat permintaan terlalu tinggi sehingga hasil ternakan ayam tidak mencapai tempoh matang 28 hari sudah terpaksa dijual bagi memenuhi permintaan," katanya, di sini semalam.

Ka Leng berkata, ketika ini bekalan hampir pulih susulan larangan eksport ayam segar ke Singapura sejak bulan lalu.

"Ditambah pula permintaan terhadap ayam segar tempatan berkurangan sehingga hampir 30 peratus ketika ini, sehingga berlaku lebihan.

"Kalau penternak simpan kerana nak tunggu harga siling baharu, kami akan rugi besar kerana ayam akan jadi lebih besar.

"Ayam yang terlalu besar tidak digemari pembeli, malah kos operasi akan lebih tinggi kerana perlu menyediakan lebih banyak dedak, selain risiko lain termasuk reban tidak dapat menampung ternakan," katanya.

Ka Leng berkata, kekurangan permintaan yang mencetuskan lebihan ternakan di reban, menyebabkan penternak terus merekodkan kerugian di sebalik harga siling baharu dikuatkuasakan.

"Sebelum ini ada 115 penternak dengan 91 daripadanya dari Johor yang mengeksport ayam ke Singapura bagi memenuhi permintaan 3 juta ayam segar sebulan.

"Berikutan larangan eksport ayam itu, kini bekalan ayam segar dalam negara hampir pulih, namun berlaku pula lambakan ternakan di reban berikutan kekurangan permintaan," katanya.

Pemborong ayam, Johnny Lee Kim Leong, turut mengakui kejatuhan permintaan terhadap ayam segar sejak kebelakangan ini.

Katanya, pesanan yang dibuat peniaga turut berkurangan sehingga 30 peratus berikutan mereka menyatakan jualan ayam segar tidak memberangsangkan.

"Ekoran kelembapan jualan ayam segar, penternak akan lebih terjejas berikutan permintaan kurang, namun diharapkan harga ayam segar akan turun, sekali gus menarik balik pembelian daripada orang ramai," katanya.

Peniaga ayam segar, Hafizul Mohamad, 40, mendakwa orang ramai kini dikesan mula kurang berbelanja, termasuk membeli bahan mentah seperti ayam segar.

"Sebelum ini, biasanya pengguna membeli dua hingga tiga ekor ayam bagi stok seminggu untuk hidangan keluarga.

"Namun kini pelanggan hanya beli seekor sahaja. Kebanyakan mereka mengeluh kerana harga bahan mentah naik. Sebagai peniaga, kami berharap jualan ayam segar akan kembali meningkat menjelang sambutan Aidiladha minggu depan," katanya.

> Kebiasaannya ayam matang dalam tempoh 28 hari dengan berat 1.8kg, namun oleh kerana permintaan berkurangan ayam di ladang melepasi usia 30 hari dengan berat melebihi dua kilogram setiap ekor



*Lau Ka Leng, Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 6 |



KETIKA ini bekalan ayam hampir pulih sejak larangan eksport ayam segar ke Singapura pada bulan lalu.

PENTERNAK BERI PENCERAHAN: BUKAN SOROK BEKALAN

# Sebab saiz ayam besar

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

**Johor Bahru**

Penternak menafikan mereka menyimpan stok ayam sehingga harga siling baharu dikuatkuasakan Jumaat lalu bagi meraih keuntungan lebih tinggi.

Sebaliknya, Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng, menjelaskan saiz ayam segar di pasaran yang besar sehingga lebih dua kilogram (kg) ketika ini berikutan ia sudah melepasi tempoh matang kerana permintaan semakin berkurangan.

Katanya, dakwaan itu tidak benar berikutan penternak akan merekodkan kerugian lebih tinggi jika menyimpan ayam sehingga melepasi tempoh matang kerana kos operasi akan bertambah sekali ganda.

"Sebenarnya ayam segar yang besar kerana sudah melepasi tempoh matang 30 hari, berbanding tempoh matang 28 hari dengan berat biasanya 1.8 kg.

"Namun disebabkan permintaan kurang ayam di ladang melepasi usia 30 hari," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, sebelum ini bekalan ayam kurang, tetapi mendapat permintaan terlalu tinggi sehingga ayam yang belum mencapai tempoh matang 28 hari terpaksa dijual bagi memenuhi permintaan.

Bagaimanapun, katanya, ketika ini bekalan ayam hampir pulih sejak larangan eksport ayam segar ke Singapura bulan lalu.

"Ditambah pula permintaan ayam segar tempatan berkurangan sehingga hampir 30 peratus ketika ini, sehingga berlaku lebihan.

"Kalau penternak simpan kerana nak tunggu harga siling baharu, kami akan rugi besar kerana ayam akan jadi lebih besar.

"Ayam yang terlalu besar tidak digemari pembeli, malah kos operasi akan lebih tinggi kerana perlu menyediakan lebih banyak dedak selain risiko lain termasuk reban tidak dapat menampung ternakan," katanya.

> "Ayam yang terlalu besar tidak digemari pembeli
> Lau

Lau berkata, kekurangan permintaan menyebabkan penternak terus merekodkan kerugian di sebalik penguatkuasaan harga siling baharu.

"Sebelum ini ada 115 penternak dengan 91 daripadanya dari Johor yang mengeksport ayam ke Singapura bagi memenuhi permintaan tiga juta ayam segar sebulan.

"Berikutan larangan eksport ayam itu, kini bekalan ayam segar dalam negara hampir pulih namun berlaku pula lambakan ternakan di reban berikutan kekurangan permintaan," katanya.

Dalam pada itu, pemborong ayam, Johnny Lee Kim Leong turut mengakui kejatuhan permintaan ayam segar sejak kebelakangan ini.

Katanya, pesanan yang dibuat peniaga turut berkurangan sehingga 30 peratus berikutan mereka menyatakan jualan ayam segar tidak memberangsangkan.

"Dengan kelembapan jualan ayam segar, penternak akan lebih terjejas berikutan permintaan kurang namun diharapkan harga ayam segar akan turun sekali gus menarik balik pembelian daripada orang ramai," katanya.

Sementara itu peniaga ayam segar, Hafizul Mohamad, 40, berkata, orang ramai kini dikesan mula kurang berbelanja termasuk membeli bahan mentah termasuk ayam segar.

"Sebelum ini, biasanya pengguna membeli dua hingga tiga ekor ayam bagi stok seminggu.

"Namun kini pelanggan hanya beli seekor sahaja. Kebanyakan mereka mengeluh kerana harga bahan mentah naik.

"Saya harap jualan ayam segar akan meningkat semula menjelang Aidiladha minggu depan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | KOSMO | NEGARA | 16 |

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

Pasar raya tidak mahu ambil kesempatan, bimbang pengguna terbeban

# Tetap jual ayam pada harga RM8.90

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

**BENTONG** – Penetapan harga siling ayam bermula 1 Julai lalu dipatuhi oleh rata-rata peniaga yang didapati tidak menjual melebihi harga ditetapkan.

Meskipun boleh menjual dengan harga RM9.40 sekilogram, namun masih ada peniaga tidak menaikkan harga sebaliknya menjual dengan harga yang lebih rendah.

Tinjauan *Kosmo!* di Pasar Segar Bentong Segar Enterprise, di sini mendapati, ayam masih dijual pada harga RM8.90 sekilogram seperti harga kawalan ditetapkan sebelum ini.

Jurucakap Bentong Segar berkata, mereka masih menjual dengan harga RM8.90 memandangkan harga yang diterima daripada pembekal masih sama seperti sebelum ini.

"Kami tidak mahu mengambil kesempatan menaikkan harga kerana tidak mahu membebankan pengguna, selagi pembekal tidak menaikkan harga, kami akan terus menjual dengan harga seperti ini.

"Pada masa ini saya dapati bekalan ayam masih banyak dan mencukupi, malah saya tidak mendengar pembekal mahu menaikkan harga dalam tempoh terdekat," katanya di sini semalam.

Menurutnya, Bentong Segar mendapat bekalan ayam daripada pembekal dan penternak di Sertik di sini, yang dijamin halal dari segi sembelihan.

Seorang pelanggan, Aziz Abdullah, 50, berkata, dia terkejut apabila Bentong Segar masih mampu menjual dengan harga yang rendah daripada harga siling ditetapkan.

Katanya, dia berharap harga ayam yang menjadi antara makanan utama rakyat di negara ini dapat dijual lebih rendah daripada harga siling ditetapkan mengambil kira beban masyarakat pada masa ini.

"Saya bersyukur dan berterima kasih kepada pihak Bentong Segar yang jujur dalam perniagaan dengan tidak mengambil kesempatan menaikan harga ayam," katanya.

Dalam pada itu, tinjauan di sebuah pasar raya lain di daerah ini mendapati ayam dijual pada harga siling iaitu sebanyak RM9.40 sekilogram dan bekalan ayam juga masih banyak.



PEKERJA Pasar Segar Bentong Segar Enterprise di Bentong semalam menunjukkan ayam yang masih dijual pada harga RM8.90 sekilogram.




KERATAN *Kosmo!* 30 Jun 2022.

> Kami tidak mahu mengambil kesempatan menaikkan harga kerana tidak mahu membebankan pengguna, selagi pembekal tidak menaikkan harga kami akan terus menjual dengan harga seperti ini."

# Peniaga patuh harga siling telur



SEORANG wanita membeli telur gred C yang dijual pada harga siling di sebuah kedai runcit di Gua Musang semalam.

Oleh AIMUNI TUAN LAH

**GUA MUSANG** – Rata-rata peniaga di daerah ini mematuhi kadar harga siling baharu ayam dan telur seperti yang telah ditetapkan pihak kerajaan bermula 1 Julai lalu.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati, kebanyakan peniaga menjual harga runcit sepapan telur ayam pada harga RM13.50 bagi gred A, gred B (RM12.90 sepapan) dan gred C (RM12.30 sepapan).

Situasi itu memberi kelegaan kepada pengguna kerana harga barangan itu lebih rendah berbanding sebelum ini.

Seorang pengguna, Noriah Awang, 58, berkata, sebelum penetapan harga siling sebiji telur ayam, ia dijual melebihi RM13 sepapan sebelum ini bagi gred C di kedai runcit.

"Saya lihat peniaga mematuhi penetapan harga siling yang dibuat oleh pihak kerajaan hari ini (semalam).

"Kami berharap pihak berkuasa dapat membuat pemantauan dengan lebih kerap agar peniaga sentiasa patuh dengan harga yang ditetapkan," katanya.

Seorang peniaga, Ahmad Mazalan Ismail, 44, berkata, dia menjual telur mengikut harga siling yang ditetapkan bermula semalam iaitu RM0.45 sen sebiji bagi gred A, gred B (RM0.43 sebiji) dan gred C (RM0.41 sebiji)

Katanya, sebelum ini, dia memang menerima rungutan daripada pelanggan yang tidak berpuas hati dengan kenaikan harga telur.

"Selain merungut dengan kenaikan harga telur, bekalan telur berkurangan kerana bekalan terhad.

"Kami selaku peniaga akan mengikut harga yang ditetapkan oleh pihak kerajaan kerana bimbang juga dikenakan tindakan atau kompaun," katanya.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan harga siling runcit bagi ayam standard di Semenanjung Malaysia ditetapkan pada kadar RM9.40 sekilogram berkuat kuasa 1 Julai lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, Mesyuarat Jemaah Menteri juga bersetuju menetapkan harga siling runcit telur ayam pada kadar RM0.45 sen sebiji bagi gred A, gred B (RM0.43 sebiji) dan gred C (RM0.41 sebiji) di Semenanjung Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | EKONOMI | 37 |



MOHD. EZMAN bercita-cita untuk menternak sehingga 50,000 ekor lembu dalam lima tahun selain menjadi pengeluar utama daging lembu di negara ini.

**INSPIRASI NIAGA**

# Radiance Agrotech sasar ternak 50,000 ekor lembu

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI
hafizyusoff@mediamulia.com.my

**SEGALANYA** bermula selepas sedar tentang kepentingan jaminan keselamatan makanan dan peningkatan harga daging yang terus meningkat pada masa kini.

Malah apa yang dibimbangi, daging lembu yang kini mencecah hampir RM40 sekilogram hanya dapat dinikmati golongan berpendapatan tinggi pada satu masa nanti.

Disebabkan itu, Pengerusi Eksekutif Radiance Agrotech Sdn. Bhd., Dr. Mohd. Ezman Zamani berkata, dia tidak gentar menceburkan diri dalam bidang yang tidak pernah dilakukan sebelum ini.





Beliau juga tidak pernah menghiraukan segala sindiran orang lain biarpun memiliki pendidikan tinggi dengan menetapkan matlamat sendiri.

"Semua orang tanpa mengira status termasuk golongan berpendapatan rendah (B40) dapat menikmati daging lembu segar yang dikeluarkan di negara ini.

"Malah, saya juga tidak mahu rakyat di negara ini menikmati daging lembu 'tiruan' yang pada realitinya adalah daging kerbau import hanya disebabkan murah," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Dalam pada itu anak jati Selangor ini berkata, dia juga mahu memastikan harga jualan lembu dapat diturunkan sekurang-kurangnya mencecah RM25 sekilogram dalam tempoh beberapa tahun akan datang.

"Kalau kita lihat baru-baru ini gaji minimum dilaksanakan pada kadar RM1,500 namun harga daging mencecah RM40 sekilogram. Jadi dengan harga sebegini adakah berpatutan untuk B40?" katanya.



LADANG Radiance Agrotech turut merangkumi ladang ternakan dan pusat penyembelihan di Bangi, Selangor dan Labis, Johor.

Beliau turut menyasarkan untuk menternak dan menghasilkan 50,000 ekor lembu dalam tempoh lima tahun akan datang serta berhasrat untuk muncul sebagai pengeluar utama daging itu di negara ini.

"Kita dalam proses untuk import lembu dari Brazil dengan membiak baka Marlo menggunakan teknologi sedia ada. Sebagai permulaan, Radiance Agrotech sedang mengendalikan ladang lembu yang menempatkan 400 ekor lembu di pusat penyembelihan di Bangi, Selangor.

"Kami ingin menghasilkan ladang ternakan berteknologi tinggi yang dibawa dari Belanda," jelasnya.

Tambah Mohd. Ezman, dengan menggunakan teknologi ini, hanya dua pekerja berada di dalam kandang dalam satu-satu masa.

"Tugas memberi makanan, air dan najis diuruskan secara automatik tanpa sentuhan manusia dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai ladang ternakan lembu yang bebas penyakit kaki dan mulut (FMD).

"Ladang ini adalah bersepadu kerana sistemnya sama seperti luar negara. Produk siap daging lembu yang dihasilkan akan dijual di cawangan kedai-kedai Radiance Agrotech di bawah jenama RediMeat.

"Inisiatif ini membolehkan kami menawarkan harga rendah di pasaran dengan sasaran penurunan antara 10 hingga 20 peratus berbanding harga sekarang," jelasnya.

Syarikat sedang menubuhkan pasukan penghantaran dikenali Redi Ride untuk menghantar pesanan pelanggan, manakala perkhidmatan pembayaran tanpa tunai Redia Pay sudah beroperasi, sementara satu cawangan Redi Meat tersedia di Rawang, Selangor.

Ketika ini, Ladang Radiance Agrotech turut merangkumi ladang ternakan dan pusat penyembelihan di Bangi, Selangor dan Labis, Johor.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | THE STAR | NATION | 9 |

# S'wak to build agro parks

## Plan aims to help state become a food exporter by 2030

By IYLIA MARSYA ISKANDAR
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** Sarawak is on a quest to build agro parks focusing on agricultural production in line with its target to be a food exporter by 2030, Tan Sri Abang Johari Tun Openg says.

The Sarawak Premier said the state plans to open up 405ha to build the agro parks in various places, including in the Bintulu and Kuching regions that were near ports to ensure an export-oriented production.

He said Malaysia was a country rich with land but it should be developed professionally with the latest technology to minimise food imports.

The Sarawak government, he said, has outlined measures to transform the agricultural sector to move the sector to the next level and strengthen Malaysia in terms of food security.

Abang Johari added that the agro parks – which are similar to industrial parks – would be equipped with the latest digital infrastructure and subdivided with anchor companies.

"Anchor companies will help small producers by acting as wholesalers and moving things directly to the market.

"When you produce digitally, you can produce more efficiently because you don't need labour, just a common centre and devices that are connected to your farm.

"This is also what the Federal Government is moving towards, which is digital production, not only in agriculture but across all sectors," he said.

With this, Abang Johari said, the Federal Government has allocated RM2bil to Sarawak to roll out 5G infrastructures, adding that Sarawak would also be investing in logistics by procuring two cargo planes to transport food for export, particularly to Singapore as the state was also exporting tilapia fish to the republic daily.

He added that Sarawak was also setting up a satellite campus to research increasing agriculture production.

"When we talk about food security, you need to have very strong research and development," he said.

"In Japan, they have three seasons to produce rice. Maybe Malaysia can have two that will be based on technology and human intellect."

Sarawak was also interested in improving the horticulture sector as the Bornean rainforest was rich in biodiversity, said Abang Johari as he launched the Kenyalang Biris Rice and Carus Creamy White Pepper along with the soft launch of Sarawak Agrofest 2022 and Nyamai Sarawak Gastronomy Festival 2022 at the LaLaport Bukit Bintang City Centre here.



**Local delicacies:** Abang Johari (centre) visiting a booth at the event in Kuala Lumpur. With him is Tourism, Arts and Culture Minister Datuk Seri Nancy Shukri. — FAIHAN GHANI/The Star

Watch the video TheStarTV.com

# 'Agriculture has potential to break cycle of poverty'

**KUALA LUMPUR:** Even though premium Sarawak foodstuff is in high demand, locals are still hesitant to pursue a career in farming, Sarawak entrepreneurs say.

Brendan Kon, founder and managing director of Kenyalang – a company that sells Sarawak-grown rice, including a fragrant variety called biris – said biris was popular some 30 to 40 years ago, but has since gone nearly extinct along with the younger generation's disinterest to dabble in the agriculture sector.

"Over the past 15 years, this type of rice has hardly been seen in the market, and the supply has become more scarce over the years, with only one village in the interior of Sarawak still producing it," he said.

To build a wider market, Kenyalang launched the biris rice in modern packaging to empower farmers and help them market their produce to modern society.

"We want to help farmers earn a livelihood and bring them out of the cycle of poverty and send the message out to the younger generation that the agriculture industry is another potential industry to consider," he said.

Brendan said Sarawak produces one of the best rice in the region, especially the highland range of heirloom rice which was unadulterated and traditionally produced in a very clean and unpolluted environment.

Heirloom variety is when the original seed of the plant is replanted repeatedly throughout the years, often in small quantities.

Carus Group of Companies executive director Keelan Woon said Sarawak pepper was among the best in the world. It has a steady demand, yet, lacked in supply.

He said locals need to know that they could draw consistent income from their local produce with the help of companies that facilitate marketing.

"A lot of people don't realise that Sarawak pepper has an incomparable aroma and flavour," he said.

The Kenyalang Biris Rice and the Carus Creamy White Pepper products were launched yesterday at the soft launch of the Sarawak Agrofest 2022 and Nyamai Sarawak Gastronomy Festival 2022 at the LaLaport Bukit Bintang City Centre here.

Meanwhile, LKT Success Sdn Bhd partner and managing director Vivian Lau said many interesting local products were not gaining attention due to the lack of marketing and branding efforts.

"There are over 100 types of Sarawak rice, but they are not commercially used.

"Usually, when people want to buy a product, 50% of the decision depends on factors that come before the taste," she said.

Lau, who is the exclusive distributor of biris rice and creamy white pepper, said retailers fully supported her products, and she was looking forward to introducing them to local restaurants, as well as the export market.

"As long as our products are good, I believe they will sell on their own – with a little bit of push," she said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | NST | NEWS | 2 |

PRICE HIKES

# 'STRINGENT PRICE CHECKS NEEDED'

## Consumer group claims traders raising prices indiscriminately

AUDREY DERMAWAN
**GEORGE TOWN**
news@nst.com.my

A CONSUMER association claims that some traders are indiscriminately raising prices.

Federation of Indian Muslim Organisations Malaysia (Permim) president Shaik Faridhudheen Anverdeen said it was concerned about the impact of the recent price increases.

"Cooking oil, chicken eggs and chicken are among the items that have experienced a sharp increase in prices.

"We hope the relevant authorities will carry out their responsibilities diligently to safeguard the interests of consumers," he said yesterday.

The prices of essential items such as cooking oil have increased sharply since July 1. To ease the burden on consumers, the government agreed to set the ceiling price of standard chicken at RM9.40 per kg.

The ceiling price of Grade A chicken eggs has been fixed at RM0.45 each, RM0.43 each for Grade B and RM0.41 each for Grade C.



*Shaik Faridhudheen Anverdeen*

Shaik Faridhudheen urged the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry to conduct aggressive monitoring of the prices of essential items and take action against unscrupulous traders.

"Of course, traders take advantage of the situation by raising the prices of existing stocks on their premises," he said, adding that the price of cooking oil, for example, increased sharply on July 1 even though the government subsidies had stopped only on that day.

The traders' action was unreasonable, he added.

Shaik Faridhudheen said the authorities must monitor the ceiling price of chicken and fine traders who sold above the price.

"The government should also take care of the welfare of sellers by imposing a ceiling for wholesale prices.

"Consumers should be wise and buy only from sellers who adhere to the ceiling price."

*Page 1 pic: Shoppers leaving a supermarket in Ampang recently.*

RISING COST OF LIVING

# PM refutes allegations against govt



*Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob presenting a contribution to Sijil Pelajaran Malaysia top scorer Nurshahfika Mohamad Yusri at the closing of Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia in Pasir Salak yesterday.* BERNAMA

**PASIR SALAK:** The government has never sat idly by (*berpeluk tubuh*) in the face of cost-of-living issues, stressed Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Last week, in the compound of Masjid Jamek in Kampung Baru, one of the opposition parties held a demonstration after Friday prayers, joined by about 40 to 50 people.

"Various allegations were made against the government as if the government has not done anything (*berpeluk tubuh*) to address the issues concerning the cost of living.

"The government realises that prices of goods are rising. I made random checks at business premises and supermarkets to look into this issue," he said at the closing of Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia (Malaysian Family Aspirations Tour) at Litar Dato' Sagor in Kampung Gajah here yesterday.

He repeated that to ensure the people were not burdened by the situation, the government had provided RM70 billion in subsidies this year.

"This phenomenon is not only happening in Malaysia but also globally. For example, we don't import chicken.

"Based on the self-sufficiency level for chicken, our supply surpassed demand by 113 per cent."

Ismail Sabri said the government spent more than RM4 billion to ensure that the cooking oil in 1kg packets remained at RM2.50 each.

He explained that subsidies were given for bottled cooking oil only during the Movement Control Order.

"That was a one-time subsidy and we are not continuing it as the MCO has ended."

Ismail Sabri said the government had formed committees to ensure that the people were not burdened by price hikes.

"The latest is the Jihad Task Force, which will formulate strategies and coordinate actions to resolve inflation-related issues and increases in prices of goods."

**By Zahratulhayat Mat Arif**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 4/7/2022 | NST | NEWS | 3 |


DOMINO EFFECT

# SNACK TRADERS RAISE PRICES

## They say higher prices of raw ingredients leave them with little choice


DAWN CHAN
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my


THE surge in the cost of raw food such as chilli, as well as cooking oil, has forced traders to raise the prices of snacks such as pisang goreng, kerepok lekor and fried chicken to stay afloat.

Checks by the *New Straits Times* at several stalls in Pantai Dalam and Kajang found that people would now have to pay between RM1 and 50 sen more to enjoy the snacks. Traders said they raised the prices with great reluctance.

Zumara Zakaria, who owns the Otaiii Goreng Pisang stall in Jalan Pantai Permai, Pantai Dalam, said he had to set a higher price for his signature pisang goreng and kerepok lekor due to the rise in cooking oil prices.

The 54-year-old, who has been operating his stall for eight years, said he was dumbfounded by the drastic rise of up to RM42.50 for the 5kg bottled cooking oil that he used, describing it as the worst he had ever seen.

"I was astonished as I use bottled cooking oil at my stall. I have to continue using the same brand and I have to dig deeper into my pockets. This made me increase the prices of pisang goreng and kerepok lekor.

"I am now selling pisang goreng at RM3 for five pieces compared with RM2 for five before. As for kerepok lekor, it is now RM2 for five instead of RM1 for three.

"Then there is the cost of the Johor-style sambal kicap that I have to factor in. The price of chillies has gone up by RM10, from RM20 to RM30 per kg," he told the *New Straits Times*.

Zumara said he was thankful that he still has a steady flow of customers who were receptive to the new prices.

"I show them the bottled cooking oil whenever there are questions about the higher prices. I have to be clear with them. If they feel that they cannot afford it, I can even give them the pisang goreng for free.

"Even the price of plastics for packaging has gone up. The three times I have gone to stock up, there were different prices each time and it has been on the rise."

In the worst-case scenario, Zumara said, the more economic option was to use the 1kg polybag cooking oil but scarcity was the main problem as he had observed in supermarkets and grocery shops.

"The shelves are bare. I cannot wait for them to stock up. My business has to go on. Otherwise, I cannot survive and my business will fold. I have a family to feed."

Echoing Zumara was Alan Crispy Fried Chicken food truck owner Nurul Huda Aras Hasan, who said her customers in Kajang have to pay 50 sen more for a piece of jumbo-sized fried chicken, as well as chicken sausages.

The 42-year-old said the new prices — RM9 and RM4 respectively — were unavoidable as the cost of chicken and cooking oil had gone up along with seasoning, cheese sauces, skewers and plastic packaging.

She lamented that a packet of 300 skewers had gone up by 20 sen but the quantity had been reduced, and that the price of cheese sauces had also increased.

However, Nurul Huda felt it was reasonable for her to raise the price by 50 sen for each snack, adding that the prices were higher at other places.

"I need to take care of my customers, too. Raising it by RM1 is too much. I feel 50 sen is all right. But even that was questioned as there were customers who had casually mentioned the price rise.

"But after explaining that everything had gone up, they understood and they came back again. They just want to know. If we are honest, I am sure they will continue to support my business.

"So far, my business is manageable. To save cost, I survey various supermarkets before buying the raw ingredients.

"If there is somewhere I can save even 20 sen, I will go there as I do purchases in bulk."

'FAIR'

# Sellers say new chicken ceiling price ensures reasonable profit



*A chicken seller attending to his customer at Pasar Besar Jitra in Kubang Pasu yesterday.* PIC BY LUQMAN HAKIM ZUBIR

**KUBANG PASU:** Chicken traders are lauding the government's move to raise the ceiling price of poultry to RM9.40 per kg beginning July 1, saying that it is a win-win situation for everyone in the supply chain.

The traders said they no longer have a reason not to comply with the new ceiling price. The previous ceiling was RM8.90 per kg.



*Azhar Ariffin*

Azhar Ariffin, 53, who has been plying his trade at Pasar Besar Jitra here since 1998, said traders were grateful for the decision as they could now make a reasonable profit.

"The new ceiling price is fair and many traders will not have an issue with it. I don't understand why anyone would complain.

"The situation was pretty bad. The ceiling price was RM8.90 per kg and we received our supply at RM9.20 per kg.

"Now, I receive live chickens from suppliers at RM 7.20 per kg and sell them at RM 9.40 per kg. It is fair to me as it is to everyone else."

Azhar said shortages in previous months were caused by a surge in demand during festive seasons.

Wan Suzaini Wan Ismail, 48, a chicken trader at the Changlun farmers' market, said the supply has stabilised as chicken farmers discontinued their protest after the government started distributing the subsidies pledged to them.

"The previous retail price was quite unfair. Many resorted to selling above the ceiling price but thankfully, the current ceiling price is a win-win situation for all parties.

"With the current ceiling price set at RM9.40 per kg and suppliers selling us live chicken at RM6.40 per kg, a lot of us are relieved."

On Saturday, Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Azman Adam said there was no excuse for retailers in rural areas to sell chicken above the ceiling price.

He was quoted as saying that the new ceiling price, which went into effect on Friday, was decided after taking into account the profit margin and transportation cost of all players in the supply chain.

Consumer Association of Kedah (Cake) president Mohamad Yusrizal Yusoff said the new ceiling price seemed a bit high for consumers, but was fair for the time being.

"The (ceiling price of) RM9.40 per kg (for chicken) is a bit high for consumers but it is reasonable at the moment compared with the previous price of RM10.50 per kg, which was a huge burden.

"However, we hope that the price of chicken can be further reduced to lessen the burden of consumers."

Yusrizal said the government should work to accumulate excess supplies of chicken as a mechanism to stabilise prices in the market.

"We hope to see the production of chicken increased because when there is excess supply, the price will obviously go down. As what had happened during the lockdowns, in certain months, chicken could be sold at around RM3.50 to RM4.50 per kg."

Yusrizal said apart from subsidies, other mechanisms should be implemented by the government.

"At the beginning of this year, the government gave chicken subsidies to farmers. But what we saw was that the price kept going up, so this was detrimental to the government.

"The government should consider various factors in the production of chicken when it executes these mechanisms.

"These include the rising prices of imported corn and labour costs.

"It looks like the government is preparing a proposal to reduce the labour costs of farmers, which includes a reduction in the recruitment of foreign workers to strengthen the local workforce.

"We hope to have a working group that can look into the issue. For example, if the problem started at the farmers' level, we should solve the problems at this level to help the farmers." **By Ahmad Mukhsein Mukhtar**